

# sukan

Laluan berliku meningkatkan cabaran ekspedisi.



Peserta bersedia sedia dengan bantuan peralatan untuk melepasi rintangan.



Peserta menempuhi halangan yang bukan calang-calang.

## Debaran aksi lasak ekspedisi 4x4

Oleh Siti Zaleha Ahmad Nadzim  
bhvarsiti@bh.com.my

### Sintok

**B**iarpun terpaksa meredah laluan mencabar dan menempuh pengalaman mendebaran, tidak wujud istilah serik bagi sekumpulan peserta ekspedisi kenderaan pacuan empat roda (4x4) di **Universiti Utara Malaysia (UUM)** di sini, baru-baru ini.

Ekspedisi lasak itu menyaksikan rata-rata peserta, termasuk pasukan UUM4x4Sintok dan Kelab Jimmy Samurai Malaysia (KJSM), bersemangat cukup tinggi mengharungi pelbagai rintangan yang bukan calang-calang.

Antara lain kembara mendaki bukit, menuruni

cerun dan melintasi titi usang yang boleh mengundang padah sekiranya tidak berwaspada atau melakukan kesilapan kecil sekalipun.

Pensyarah Pusat Pengajian Pengkomputeran, Kolej Sastera dan Sains (CAS) UUM, Mohd Tarmizi Musa, berkata ekspedisi itu memang dinantikan oleh pencinta 4x4 untuk beraksi sambil merehatkan minda dengan menikmati keindahan alam semula jadi.

### Guna peralatan

Beliau berkata, antara lokasi dikunjungi ialah tapak kem 4x4 UUM, Hutan Simpan Sintok dan Sungai Badak yang mengalir ke dalam kawasan Universiti di Rimba Hijau itu.

"Peserta turut menda-pat pendedahan secara

langsung kegunaan peralatan seperti *hi-lift jack*, *shackle*, *snatch block*, *strap* dan *winch* untuk menarik kereta, pokok tumbang serta melepasi laluan licin, selain *tree trunk/protector* yang berfungsi melindungi pokok daripada terluka," katanya.

Penganjuran ekspedisi seumpama tidak ketinggalan mengalu-alukan pembabituan peserta luar seperti Pajero Club Malaysia & Friends (PCMF) dan Landy Malaysia.

Dalam pada itu, Mohd Tarmizi berkata, pelbagai aktiviti lain turut dijalankan dari semasa ke semasa, termasuk kursus pemanduan 4x4 yang memberi pendedahan penting mengenai teknik pemanduan ketika menempuh halangan seperti jambatan, lumpur dan menuruni bukit.



Peserta dapat merehatkan minda dengan menikmati keindahan alam semula jadi.



Ekspedisi turut dijayakan peserta wanita.